

Newspaper

Berita Harian

Date

1 February 2016

Penurunan lebih kuasa hasilkan implikasi positif

BH-1/2/2016

» Langkah itu mampu melancarkan pelaksanaan agenda pembangunan

Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Kandau Sidi
bhnews@bh.com.my

► Bintulu

Penurunan lebih banyak kuasa pentadbiran kerajaan Pusat kepada Sarawak perlu diterjemahkan sebagai simbol keutuhan hubungan baik kedua-dua pihak yang mampu menghasilkan pelbagai implikasi positif, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri turut menyifatkan langkah itu mampu menangani isu pertindihan kuasa yang sebelum ini turut merencatkan pelaksanaan agenda pembangunan yang dirancang kerajaan di negeri ini, begitu juga untuk rakyatnya.

Saling faham kehendak

"Di Sarawak, kita tidak menghadapi sebarang masalah dalam melaksanakan inisiatif itu kerana baik kerajaan Pusat mahupun negeri, kedua-duanya dinaungi parti sama. Ia mungkin sukar jika kita dari pihak (parti) berbeza.



Najib dan Adenan **disambut dengan nyanyian lagu The Young One pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat** di Dewan Suarah, Bintulu, semalam. (FOTO MOHD RADZI BUJANG/BH)

"Kita tiada masalah kerana saling memahami kehendak dan kemahuan masing-masing. Tentunya perbincangan mengenai perkara ini hanya dapat dilaksanakan bersama kerajaan BN Sarawak, bukan pembangkang," katanya berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Suarah Bintulu, di sini semalam.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak merangkap Menteri Muda Pelancongan negeri dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC), Datuk Talip Zulpilip.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke negeri ini sejak kelmarin,

berkata proses itu juga berperanan penting dalam membantu memperkasakan usaha penyelarasan bidang kuasa Pusat dan negeri, seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan serta sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat.

"Kita amat memahami keperluan penurunan lebih kuasa pentadbiran itu amat penting kepada Sarawak, khususnya bagi memudahkan dan melancarkan urus tadbir negeri ini," katanya.

Hargai komitmen Najib

Sementara itu, Adenan yang menghargai komitmen Najib dalam memastikan kelancaran rundingan berhubung proses itu, berkata rundingan fasa

kedua sudah dimulakan, khusus bagi menangani isu pertindihan undang-undang serta perkara berkaitan hak dan istimewa Sarawak yang termaktub dalam Perlembagaan.

"Perdana Menteri memberi jaminan kepemimpinan Pusat dalam menjayakan proses rundingan ini. Ia susulan kejayaan rundingan fasa pertama yang mencapai konsensus dalam 13 perkara minggu lalu, memabitkan aspek pentadbiran, pendidikan, pembangunan dan imigresen," katanya.

Difahamkan, fasa ketiga proses rundingan pula akan bertumpu kepada aspek kewangan dan perbendaharaan, selain pengurusan sumber dan hasil petroleum negeri.